

5,000 pembantu tadbir dapat gred baru gaji

KUALA LUMPUR: Lebih 5,000 Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) dalam agensi kerajaan berpeluang menikmati anjakan gred jawatan berikutan keputusan kerajaan menawarkan opsi perubahan skim perkhidmatan itu, berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam, berkata kerajaan memutuskan untuk mengubah skim perkhidmatan Pamban-

tu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17, N22 dan N32 menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2007, kepada Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N17, N22, N27/N28, N32 dan N36.

Beliau berkata, skim perkhidmatan baru itu antara lain memperuntukkan kenaikan pangkat bagi mereka dari Gred N17 ke N22 dan N28, Gred N22 ke N28, Gred N27/N28 ke N32, dan Gred N32 ke N36,

tertakluk kepada syarat ditetapkan.

Berdasarkan jadual gaji matriks skim perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat, tangga gaji Gred N17 ialah antara RM820.38 hingga RM2,397.95, Gred N22 (RM1,915.43 - RM3,134.53), Gred N27 dan N28 (RM1,204.55 - RM3,405.26), Gred N32 (RM2,413.04 - RM3,911.96) dan Gred N36 (RM3,001.40 - RM4,911.67).

"Dengan penggunaan kom-

puter dan kepesatan perkembangan teknologi maklumat, di samping penekanan mengenai sistem penyampaian dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sebagai pengukur serta impak pencapaian organisasi, khususnya bagi peringkat jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau setara, menuntut pembantu khas menjadi cekap serta kompeten," katanya dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009 bertarikh 21

Disember lalu.

Ismail berkata, perubahan skim perkhidmatan itu turut memperuntukkan perbejalan lantikan terus ke jawatan Setiausaha Pejabat Gred N27 menggunakan Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik tempatan atau Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) atau kelayakan diiktiraf setaraf, dengan penetapan gaji permulaan berbeza.

Tempoh khidmat wajib doktor perlu dilanjut

Pendekatan atasi kekurangan pegawai kesihatan di hospital kerajaan

Oleh Haika Khazi
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Tempoh perkhidmatan wajib doktor perlu dilanjut-kan daripada tiga kepada antara lima hingga 10 tahun bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai kesihatan yang semakin kritikal di hospital kerajaan pada masa ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk T Murugiah, berkata langkah itu perlu

FAKTA NOMBOR

50,756

penjawat

Awam dilantik kerajaan tahun lalu termasuk calon latihan separa perubatan

berikutan negara menghadapi masalah kekurangan doktor seramai 5,000 orang pada tahun lalu.

"Kita menghadapi masalah kekurangan doktor kerana mereka hanya berkhidmat dengan kerajaan selama lima tahun, iaitu dua tahun untuk housemanship (latihan) dan tiga tahun untuk perkhidmatan wajib dan selepas itu mereka tidak lagi berkhidmat dengan kerajaan.

"Walaupun sistem ini sudah diguna pakai sejak 1971, kita perlu ada pendekatan baru bagi menyelesaikan masalah ini," katanya kepada pemberita selepas melawat Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Murugiah berkata, langkah berkenaan juga memberi kelebihan kepada doktor yang akan



“Walaupun sistem ini diguna pakai sejak 1971, kita perlu ada pendekatan baru bagi menyelesaikan masalah ini”

T Murugiah
Timbalan Menteri di JPM

berkhidmat di sektor swasta kerana mereka dapat menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman lebih banyak.

Katanya, langkah berkenaan juga boleh diguna pakai bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai perubatan di sektor lain termasuk farmasi dan pergigian.

"Doktor tidak patut hanya memikirkan mengenai keuntungan, mereka juga harus berfikir mengenai kepentingan negara serta sumbangan mereka kepada negara," katanya.

Sementara itu, Murugiah berkata, kerajaan sudah melantik seramai 50,756 penjawat awam termasuk calon latihan separa perubatan, pada tahun lalu berbanding sasaran yang diletakkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, iaitu seramai 50,000 orang.

Hanya beberapa jawatan dilantik ikut jantungina

HM

02-03-2010

ms. 10

PUTRAJAYA: "Pengambilan untuk perkhidmatan awam berdasarkan jantungina memang berlaku, tetapi hanya untuk jawatan tertentu," kata Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Datuk Lamien Sawiyo, semalam.

Bagaimanapun, katanya, peratusan pengambilan berdasarkan jantungina tidak banyak dan hanya akan dilakukan jika terdapat permintaan daripada jabatan atau kementerian.

"Secara keseluruhannya, SPA tidak memilih berdasarkan jantungina, tetapi kelayakan mengikut merit dan kelulusan calon.

"Namun, pada masa tertentu, ada jawatan yang perlu diisi mengikut jantungina calon. Contohnya, jawatan pegawai penjara wanita yang secara dasar memerlukan seorang wanita untuk mengisi jawatan itu," katanya.

Beliau berkata, bidang penguatkuasaan memerlukan calon lelaki memandangkan ia kurang sesuai untuk golongan wanita.



LAMIEN...kelayakan ikut merit

"Pelantikan penghulu di Melaka dan Pulau Pinang dikendalikan SPA dan jawatan ini kebiasaannya dipilih di kalangan calon lelaki kerana ia juga dilihat kurang sesuai untuk wanita.

"Sebenarnya, tidak timbul isu wanita lebih ramai dilantik sebagai penjawat awam kerana pelantikan dibuat berdasarkan merit dan ia tertakluk dalam perlembagaan," katanya pada majlis penyerahan jersi SPA FC, di sini, semalam.

Lamien berkata, SPA baru selesai melantik 490 Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dengan pecahan 250 calon lelaki dan 240 calon wanita.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Setiausaha Agung Cuepacs, Ahmad Shah Mohd Zin yang meluahkan kebimbangan berikutan penguasaan penjawat wanita dalam perkhidmatan awam yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

Ahmad Shah dalam kenyataannya menyebut, trend itu menyebabkan kemungkinan berlaku implikasi tempoh jangka masa panjang dalam aspek kemajuan serta pertumbuhan negara kerana semakin ramai wanita dilantik memegang jawatan sebagai pembuat keputusan.

Menurutnya, pada 2008, seramai 52,000 penjawat awam dilantik dengan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 25,000 orang, diploma (15,000) dan ijazah sarjana muda (12,000).

Kekosongan besar jawatan Julai

Oleh **HELMI MOHD. FOAD**
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 1 Mac – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menganggarkan kekosongan jawatan yang begitu besar akan berlaku dalam sektor kerajaan menjelang Julai ini.

Setiausahanya, Datuk Lamien Sawiyo berkata, keadaan itu berlaku ekoran ramai pegawai dan kakitangan yang sebelum ini dilanjutkan perkhidmatan mereka sehingga umur 58 tahun akan bersara pada tahun ini.

“Ini membabitkan pelbagai peringkat jawatan yang dianggarkan me-

ngalami kekosongan yang signifikan dan ia memberikan kesan besar.

“Pada masa ini, kita sedang mengumpulkan maklumat daripada setiap agensi mengenai kekosongan yang akan berlaku nanti,” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas majlis penyerahan jersi kepada pasukan SPA FC yang layak menyertai Liga FAM 2010 di Ibu Pejabat SPA di sini hari ini.

Dasar melanjutkan usia persaraan daripada umur 56 tahun kepada 58 tahun dikuatkuasakan oleh kerajaan pada 1 Julai 2008.

Dijangka lebih 4,800 pegawai dan kakitangan awam yang sepatutnya bersara wajib pada 2008 akan menamatkan perkhidmatan antara Julai hingga Disember ini.

Menurut Lamien, pada masa ini SPA sedang mengumpulkan maklumat daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan mengenai kekosongan jawatan baru.

Katanya, suruhanjaya tersebut menganggarkan jumlah jawatan baru yang perlu diisi adalah kira-kira 50,000 sebagaimana dilakukan pada 2008 dan tahun lalu.

Dalam pada itu, katanya, jawatan

kritikal dalam bidang perubatan seperti doktor yang diperlukan sebanyak 5,000 setiap tahun masih terus berlaku kekosongan.

Sementara itu, Lamien turut menyangkal kebimbangan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) bahawa golongan wanita dikatakan menguasai sektor awam

Katanya, SPA yang bertanggungjawab melaksanakan pengambilan kakitangan baru membabitkan 250 skim perjawatan tidak melihat kepada aspek gender.

Contohnya, kata beliau, pengam-

bilan terbaru jawatan Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) menyaksikan daripada 490 orang yang dilantik, 250 adalah lelaki manakala selebihnya wanita.

“Kita ikut merit, kalau bagus dan melepasi syarat kita akan ambil tanpa mengira jantina selain tiada kuota tertentu dalam membuat pengambilan kakitangan baru.

“Cuma, dalam keadaan tertentu melibatkan bidang tugas seperti jawatan pegawai penjara wanita, tentu kita akan ambil wanita tetapi kita tidak amalkan dasar diskriminasi terhadap wanita,” katanya.

2 s/w
01/3/10
UM 2/3/10 ms 2